TAKAFULmalaysia MyBulletin

Publication	Berita Harian	Section / Page	C47	Date	9 May 2019
Headline	Penyata Kewangan STMAB				

KHAMIS, 9 MEI, 2019 BH 1klassifieds C47

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD

(No. Syarikat: 1246486-D) (Diperbadankan di Malaysia)

TAKAFULmalaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	<---------- 2018 ---------->		
	Pengendali Takaful RM'000	Takaful Am RM'000	Syarikat RM'000
ASET			
Hartanah dan peralatan	6,222	-	14,637
Pelaburan hartanah	-	10,615	2,200
Pelaburan lain	92,017	444,082	536,099
Aset retakaful	-	334,914	334,914
Aset cukai tertunda	34,611	-	34,611
Aset cukai semasa	1,795	-	1,795
Pinjaman dan penerimaan, tidak termasuk penerimaan takaful	117,868	165,895	274,510
Penerimaan takaful	-	62,879	62,879
Tunai dan bersamaan tunai	75,208	116,792	192,000
JUMLAH ASET	327,721	1,135,177	1,453,645
EKUITI DAN LIABILITI			
Modal saham	100,000	-	100,000
Rizab	54,462	-	54,462
Jumlah ekuiti boleh diagih kepada pemilik Syarikat	154,462	-	154,462
LIABILITI			
Liabiliti kontrak takaful	-	1,016,084	1,016,084
Rizab perbelanjaan	143,309	-	143,309
Pembayaran takaful	9,144	42,577	51,721
Pembayaran lain	20,806	73,523	85,076
Liabiliti cukai semasa	-	2,993	2,993
JUMLAH LIABILITI	173,259	1,135,177	1,299,183
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	327,721	1,135,177	1,453,645

PENYATA UNTUNG RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TEMPOH DARI 12 SEPTEMBER 2017 HINGGA 31 DISEMBER 2018

	<---------- 12.9.2017 - 31.12.2018 ---------->		
	Pengendali Takaful RM'000	Takaful Am RM'000	Syarikat RM'000
Hasil operasi	5,011	412,647	417,658
Pendapatan pengendali takaful	175,137	-	-
Caruman diperoleh kasar	-	397,446	397,446
Caruman disid kepada retakaful	-	(156,771)	(156,771)
Caruman diperoleh bersih	-	240,675	240,675
Pendapatan pentadbiran	-	46,080	46,080
Pendapatan pelaburan	5,011	17,289	22,300
Keuntungan dan (kerugian) nilai saksama	-	119	119
Pembalikan kerugian rosot nilai instrumen kewangan	-	3,387	3,387
Pendapatan operasi lain	1,722	107	1,829
Pendapatan lain	6,733	66,982	73,715
Manfaat kasar dan tuntutan dibayar	-	(155,014)	(155,014)
Tuntutan disid kepada retakaful	-	57,655	57,655
Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak	-	(68,428)	(68,428)
Perubahan kepada liabiliti kontrak disid kepada retakaful	-	47,531	47,531
Manfaat dan tuntutan bersih	-	(118,256)	(118,256)
Perbelanjaan yuran wakalah	-	(173,991)	-
Yuran pentadbiran	(34,707)	-	(34,707)
Rizab perbelanjaan	(9,650)	-	(9,650)
Perbelanjaan pengurusan	(63,709)	-	(63,918)
Kerugian rosot nilai instrumen kewangan	(6)	-	(6)
Perbelanjaan operasi lain	(2,177)	(289)	(2,466)
Perbelanjaan lain	(110,249)	(174,280)	(110,747)
Jumlah keuntungan bagi tempoh	71,621	15,121	85,387
Keuntungan boleh diagih kepada Pengendali Takaful / peserta	-	(15,121)	(13,766)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	71,621	-	71,621
Zakat	(350)	-	(350)
Perbelanjaan cukai	(17,664)	-	(17,664)
Keuntungan bagi tempoh	53,607	-	53,607
Pendapatan komprehensif lain, bersih cukai			
Perkara yang boleh dikelaskan semula kepada untung atau rugi			
Pelaburan hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain – bersih perubahan nilai saksama	855	6,054	855
Pendapatan komprehensif lain boleh diagih kepada peserta	-	(6,054)	-
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tempoh	855	-	855
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh	54,462	-	54,462

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TEMPOH 12 SEPTEMBER 2017 HINGGA 31 DISEMBER 2018

	<-------- Boleh diagih kepada pemilik Syarikat -------->			
	<- Tidak boleh diagih ->		Boleh diagih	
Syarikat	Modal saham RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Pendapatan tersimpan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Pada tarikh diperbadankan	*	-	-	-
Nilai saksama pelaburan hutang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	855	-	855
Pendapatan komprehensif lain bagi tempoh	-	855	-	855
Keuntungan bagi tempoh	-	-	53,607	53,607
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh	-	855	53,607	54,462
Caruman oleh dan pengagihan kepada pemilik syarikat				
- Terbitan saham	100,000	-	-	100,000
Jumlah urusniaga dengan pemilik Syarikat	100,000	-	-	100,000
Pada 31 Disember 2018	100,000	855	53,607	154,462

* *Menandakan RM1*

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TEMPOH 12 SEPTEMBER 2017 HINGGA 31 DISEMBER 2018

	12.9.2017 - 31.12.2018 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi	
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	71,621
Pelarasan bagi:	
Susut nilai	1,597
Perubahan nilai saksama hartanah pelaburan	(75)
Perubahan nilai saksama melalui untung rugi aset kewangan	(44)
Keuntungan daripada sekuriti hutang Islam dan akaun pelaburan	(22,160)
Pendapatan dividen daripada saham diluluskan Syariah	(264)
Pelunasan premium, bersih tambahan diskaun	797
Keuntungan daripada kertas Islam Kerajaan Malaysia	(648)
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	50,824
Keuntungan daripada sekuriti hutang Islam, akaun pelaburan dan kertas Islam Kerajaan Malaysia	21,354
Pendapatan dividen daripada saham diluluskan Syariah	264
Pembelian pelaburan	(126,289)
Perolehan daripada jualan pelaburan	28,304
Kematangan pelaburan lain	19,840
Peningkatan dalam aset retakaful	(46,642)
Peningkatan dalam penerimaan	(97,971)
Peningkatan dalam liabiliti kontrak Takaful	71,488
Peningkatan dalam pembayaran	72,634
Cukai pendapatan dibayar	(6,194) (23,000)
Tunai bersih dijana dalam aktiviti operasi	(29,194)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	
Pembelian hartanah dan peralatan	(620)
Pengambilalihan perniagaan takaful am	14,585
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	13,965
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	
Perolehan daripada terbitan modal saham	100,000
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pembiayaan	100,000
Peningkatan tunai bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	84,771
Tunai dan bersamaan tunai pada tarikh diperbadankan	107,229
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember	192,000

Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai yang dimasukkan dalam penyata aliran tunai merangkumi penyata jumlah kedudukan kewangan berikut:

	2018 RM'000
Tunai dan baki bank dan deposit dan penggilan tetap dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan kurang dari tiga bulan	
- Pengendali Takaful	75,208
- Dana Takaful Am	116,792
	192,000

LAPORAN BADAN PENASIHAT SYARIAH

Bagi mematuhi surat pelantikan, kami dikehendaki menyerahkan laporan berikut:

Kami telah mengkaji asas-asas dan kontrak yang berkaitan dengan produk yang diperkenalkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("STMAB") sepanjang tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018. Kami juga telah menjalankan semakan kami untuk membentuk pendapat sama ada STMAB telah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Pengurusan STMAB bertanggungjawab memastikan supaya Syarikat menjalankan perniagaan, menurut asas-asas Syariah. Kami bertanggungjawab untuk membentuk pendapat yang bebas, berasaskan kepada ulasan kami mengenai operasi STMAB.

Kami telah menilai perkara yang dijalankan oleh semakan Syariah dan audit Syariah yang meliputi pemeriksaan, berasaskan ujian, urus niaga berkaitan, dokumentasi dan prosedur yang diterima pakai oleh STMAB. Kami telah menjalankan semakan untuk mendapatkan semua maklumat dan penerangan yang kami anggap perlu bagi memberi bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang berpatutan bahawa STMAB tidak melanggar sebarang peraturan Syariah.

Pada pendapat kami:

1. kontrak dan dokumentasi berkaitan yang digunakan oleh STMAB sepanjang tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018 yang kami semak adalah mematuhi Syariah;
2. peruntukan keuntungan antara dana pemegang saham dan dana pelaburan peserta adalah selaras dengan asas yang telah kami luluskan menurut Syariah;
3. pengiraan zakat adalah mematuhi Syariah;
4. semua insiden tidak mematuhi Syariah telah diperbetulkan menurut perancangan yang diluluskan oleh kami dan Lembaga Pengarah. Insiden tersebut telah dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) menurut keperluan pelaporan ketidakpatuhan Syariah yang ditetapkan oleh BNM; dan
5. semua pendapatan daripada sumber atau cara yang dilarang oleh Syariah telah dipertimbangkan untuk pelupusan bagi tujuan amal.

Kami, ahli-ahli Badan Penasihat Syariah STMAB dengan ini mengesahkan bahawa operasi STMAB bagi tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018 telah dijalankan selaras dengan Syariah.

Kami hanya menjadi saksi kepada apa yang kami ketahui, dan kami tidak menyedari apa yang tidak kelihatan! (Terjemahan Surah Yusuf: 81)

Pengerusi SAB : .....
Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman

Ahli SAB : .....
Dr. Ahmad Suffian Che Abdullah

Kuala Lumpur

Tarikh: 24 Januari 2019

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD

Penyata kewangan di atas merupakan penyata kewangan ringkas Syarikat bagi tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018. Penyata kewangan (meliputi penyata kedudukan kewangan, penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai) yang diterbitkan semula di atas adalah sama dari semua aspek penting dengan yang dilaporkan oleh KPMG Desa Megat PLT dalam laporan mereka bertarikh 24 Januari 2019 mengenai penyata kewangan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad.

Rujukan hendaklah dibuat kepada penyata kewangan berkanun Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad bagi tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018 untuk lebih memahami kedudukan kewangan dan prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan penuh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad bagi tempoh dari 12 September 2017 hingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Laporan Mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018, dan penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, yang meliputi polisi-polisi perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 18 hingga 120.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2018, dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, adalah selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Di bawah piawaian tersebut, tanggungjawab kami telah dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan kami di bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* daripada laporan juruaudit kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika yang Lain

Kami adalah bebas daripada Syarikat selaras dengan *Undang-Undang Kecil (mengenai Etika, Tatacara dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan *Kod Etika Profesional Akauntan* ("Kod IESBA") Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA tersebut.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain meliputi maklumat yang disertakan ke dalam Laporan Pengarah, tetapi tidak merangkumi penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit mengenainya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak akan menyatakan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Pengarah dan dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Pengarah adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat atau pengetahuan yang timbul daripada kerja audit kami, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Pengarah, maka kami perlu melaporkan perkara tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa yang hendak dilaporkan berhubung perkara tersebut.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat untuk memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, dan keperluan-kepeluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman, sebagaimana yang ditentukan perlu oleh Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Syarikat untuk meneruskan perniagaan, mendedahkan sekiranya berkenaan,mengikut kesesuaian, perkara-perkara yang berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasinya, atau tiada pilihan realistik melainkan berbuat demikian.

Tangungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyataan ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan peringkat tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan adalah menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyataan ketara jika ada. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara bersendirian atau bersama-sama, ia boleh dijangka dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomik dibuat oleh pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisme profesional di seluruh audit ini. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan memperolehi bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas kepada pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata ketara akibat penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian sengaja, pemalsuan fakta atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman kawalan dalaman berhubung dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan perakaunan usaha berterusan yang digunapakai oleh Pengarah, dan berasaskan kepada bukti audit yang diperolehi sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menyebabkan kesangsian terhadap kemampuan Syarikat untuk meneruskan perniagaan. Jika kami memutuskan bahawa terdapat ketidakpastian ketara, kami dikehendaki untuk memberi perhatian di dalam laporan audit kami terhadap pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Syarikat, atau jika pendedahan sedemikian tidak memadai, mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh sehingga ke tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan yang mungkin menyebabkan Syarikat berhenti daripada meneruskan perniagaan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan keseluruhan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Syarikat mewakili urusniaga dan peristiwa sebenar dinyatakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengarah antara perkara lain tentang skop yang dirancang dan tempoh audit dan penemuan audit penting termasuk sebarang kelemahan ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Perkara Lain

Laporan ini hanya dibuat kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

KPMG Desa Megat PLT
LLP0010082-LCA & AF 0759
Akauntan Berkanun

Ooi Eng Siong
Nombor Kelulusan: 03240/02/2020 J
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya, Selangor
Tarikh: 24 Januari 2019

Nota: Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan STMAB yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli STMAB yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan. Set lengkap penyata kewangan ini boleh didapati di laman web Syarikat di **www.takaful-malaysia.com.my**